

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Jerebu kembali Mei-September 2016	Utusan Malaysia
2	Kualiti udara negeri di Utara sangat tak sihat	Berita Harian
3	Amaran angin kencang dan laut bergelora berterusan sehingga hari ini	Bernama.com
4	Boleh tuntut jasad anak	Harian Metro
5	Keputusan DNA rangka, mayat murid orang asli diketahui jumaat – Polis Kelantan	Bernama.com
6	Pacu pelaburan	Harian Metro
7	MITI harap bajet 2016 rangsang pertumbuhan ekonomi dan angka dagangan	Bernama.com
8	‘Pengsan ditindih Jemaah lain’	Berita Harian
9	Entrepreneurial role of varsities	New Straits Times

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 13
TARIKH : 23 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**

Jerebu kembali Mei-September 2016

KUALA LUMPUR 22 Okt. – Masalah jerebu yang datang dan pergi sebanyak tiga kali dalam masa singkat disifatkan sebagai jerebu terburuk pada bulan Oktober yang pernah melanda negara.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Datuk Che Gayah Ismail berkata, jangka masa jerebu melanda negara setiap tahun selalunya pada Jun hingga September dan biasanya tiada gelombang kedua atau ketiga berlaku.

"Lebih memburukkan keadaan adalah ribut tropika yang berlaku sekarang membawa asap jerebu itu kembali ke negara kita. Saya kira jika tiada taufan ribut tropika berlaku, kesan jerebu yang kita hadapi akan berkurangan."

"Walau bagaimanapun, jerebu rentas sempadan yang dialami sekarang akan berakhir dengan bermulanya angin Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh iaitu mulai awal November ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Keadaan jerebu kembali 'menghantui' seluruh negara buat kali ketiga dua hari lepas menyebab-



Bulan Mei hingga September tahun depan adalah waktu berisiko mendapat jerebu kembali kerana ketika itu keadaan cuaca kering dan angin barat daya akan membawa asap jerebu ke negara kita."

CHE GAYAH ISMAIL
Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia

kan sebanyak 4,778 buah sekolah ditutup dan aktiviti harian orang ramai terganggu.

Tambah Che Gayah, musim tengkujuh yang akan berlaku dari November hingga Mac tahun depan akan menyebabkan angin dari timur laut bertiup menghalang jerebu kebakaran hutan datang ke Malaysia.

Katanya, oleh sebab itu walau pun kebakaran di Indonesia dijangka berlarutan hingga Mac tahun depan, Malaysia tidak akan mengalami jerebu rentas sempadan untuk tempoh musim tengkujuh

iaitu dari November ini hingga Mac tahun depan.

"Meskipun begitu, memandangkan April adalah musim peralihan monsun dan sekiranya kebakaran di Indonesia masih berlaku, kita berisiko mendapat jerebu kembali seandainya terdapat ribut tropika terbentuk seperti sekarang."

"Bulan Mei hingga September tahun depan adalah waktu berisiko mendapat jerebu kembali kerana ketika itu keadaan cuaca kering dan angin barat daya akan membawa asap jerebu ke negara kita," katanya.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 22
TARIKH: 23 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**

Kualiti udara negeri di Utara sangat tak sihat

» Bacaan IPU Seberang Jaya 2, Perai catatkan bacaan tertinggi, 233

Oleh Nur Fatin Mohd Satar
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kualiti udara di beberapa negeri di utara Semenanjung iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang masih menunjukkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sangat tidak sihat semalam.

Berdasarkan laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS), bacaan IPU yang direkodkan sehingga jam 7 malam tadi menunjukkan Seberang Jaya 2, Perai menunjukkan bacaan paling tinggi iaitu 233.

Kualiti udara sangat tidak sihat



turut dicatat di Alor Setar (230), Langkawi (225), Bakar Arang, Sungai Petani di Kedah (224), Kangar, Perlis (208) dan Universiti Sains Malaysia (203).

“MetMalaysia sekali lagi melakukan pembenihan awan di Alor Setar dan Langkawi (Kedah) serta Kangar (Perlis) petang tadi (semalam)”

Che Gayah Ismail,
Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)

Pemandangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi yang diselubungi jerebu dengan bacaan IPU mencapai 230.

Ia diikuti Perai (184), Seri Manjung (162), Sekolah Kebangsaan Jalan Pegoh, Ipoh (162), Pelabuhan Klang (153), Kampung Air Putih, Taiping (149), Kuala Selangor (147) dan Jalan Tasek di Ipoh (144).

Selain itu, Sri Aman menunjukkan bacaan 131, Shah Alam (129), Tanah Merah, Kelantan (122), Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Chat, Kota Bharu (120), Tanjung Malim (120), Samarahan (119), Kuching (116), Balok Baru, Kuantan (114), Kemaman (109), Banting (107), Petaling Jaya (105), Batu Muda (104), Kuala Terengganu (103), Putrajaya (103) dan Indera Mahkota, Kuantan (102).

Dalam perkembangan berikutan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengumumkan semua sekolah di Negeri Sembilan, Selangor, Putrajaya, Wilayah Persekutuan, Bentong di Pahang, Kuching, Sri Aman, Samarahan dan Betong di Sarawak dibuka semula hari ini.

1,600 sekolah ditutup

Hampir 1,600 sekolah membabitkan 728,739 pelajar di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak terus ditutup sehingga hari ini berikutan IPU masih menunjukkan bacaan tidak sihat.

Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail, ketika dihu-

bungi BH, berkata, angin Monsun Timur Laut diramal melanda Isnin ini dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam.

Halang kemasukan jerebu

Beliau berkata, ia dijangka membawa hujan lebat dari arah Laut China Selatan, sekali gus menghalang kemasukan jerebu dari arah Sumatera.

“MetMalaysia sekali lagi melakukan pembenihan awan di Alor Setar dan Langkawi (Kedah) serta Kangar (Perlis) petang tadi (semalam).

“Langkah berkenaan menghalangkan hujan buatan di kedua-dua kawasan di Kedah,” katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 23 OKTOBER 2015 (JUMAAT)



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Berterusan Sehingga Hari Ini

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia** hari ini mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora di kawasan perairan Sabah (Sandakan, Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman) serta Labuan diramal berterusan sehingga hari Khamis.

Jabatan itu dalam satu kenyataan berkata keadaan angin kencang barat daya dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter itu adalah berbahaya kepada bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Situasi yang sama juga dijangka berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-layang, Palawan dan Sulu.

Sementara itu, ketampakan rendah kurang dari tiga kilometer di sekitar perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kuching, Tawau, Selat Melaka, Tioman, Bunguran dan Sulawesi akibat jerebu diramal berterusan sehingga hari ini.

Keadaan itu berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran, menurut jabatan berkenaan.

Dalam pada itu, amaran ribut petir di kawasan perairan Kudat, Pantai Barat, Pedalaman, Sandakan, Reef North, Palawan dan Sulu diramal berterusan sehingga pagi ini.

Keadaan itu menyebabkan angin kencang sehingga 50kmsj dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 23 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**

Kota Bharu: Ahli keluarga dua kanak-kanak Orang Asli yang disahkan identiti mereka menerusi ujian asid deoksribonukleik (DNA) minggu lalu boleh menuntut jasad dan rangka anak mereka untuk urusan pengbumian di Hospital Gua Musang (HGM), di sini.

Pengarah HGM Dr Nik Mohd Faizal Zainal Abidin ketika dibubungi berkata, pihaknya menerima surat pengesahan DNA daripada polis, kelmarin bagi membolehkan urusan penyerahan mangsa dibuat.

"Ujian DNA mengesahkan

Boleh tuntut jasad anak

mayat adalah Ika Ayel, 9, dan Juvina David, 7, namun sehingga petang semalam (kelmarin) belum dituntut ahli keluarga mangsa.

"Mungkin mereka belum mengetahuinya lagi, jadi saya mahu maklumkan jasad boleh dituntut pada bila-bila masa dan kami tidak mempunyai masalah membantu mereka," katanya di sini, se-malam.

Ketika ini, mayat dan rangka ditempatkan di bilik mayat HGM.

Difahamkan, ahli keluarga mahu menuntut rangka dan mayat bersama dua lagi mangsa yang belum diumumkan status ujian DNA.

Keputusan ujian itu dijangka diumumkan Ketua Polis Kelantan Datuk Mazlan Lazim, hari ini.

Harian Metro baru-baru ini melaporkan dua daripada empat spesimen yang dihantar ke **Jahatan Kimia** di Petaling Jaya untuk ujian DNA disahkan milik Ika dan Juvina.

Mereka bersama lima ra-

kan, Meksudiar Aluj, 11, Norieen Yaakob, 10, Linda Rosli, 8, Sasa Sobrie, 8, dan Haikal Yaakob, 8, hilang sejak 23 Ogos lalu selepas melarikan diri dari asrama Sekolah Kebangsaan Tohoi, Gua Musang kerana bimbang di marahi guru.

Pada 9 Oktober lalu, selepas 46 hari pencarian dijalankan, satu mayat dijumpai di tebing Sungai Perias 500 meter dari Pos Tohoi, diikuti rangka keesokan harinya dan penemuan Milk



MAZLAN

sudiar dan Norieen 3.3 kilometer dari Pos Tohoi bersama mayat Ika.

Sementara itu, Mazlan mengesahkan menyerahkan surat pengesahan DNA kepada HGM.

Katanya, pihaknya akan mengumumkan keputusan ujian DNA baki dua spesimen yang belum disahkan sebelum ini, hari ini.

"Pengumuman itu penting untuk mengesahkan rangka ditemui itu sama ada Linda Rosli, 8, atau Haikal Yaakob, 8. Setakat ini kita klasifikasi sikan mereka sebagai orang hilang," katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 23 OKTOBER 2015 (JUMAAT)



Keputusan DNA Rangka, Mayat Murid Orang Asli Diketahui Jumaat - Polis Kelantan

KOTA BAHARU, 22 Okt (Bernama) -- Keputusan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) terhadap satu rangka dan satu mayat yang ditemui ketika pencarian sekumpulan murid Orang Asli Sekolah Kebangsaan (SK) Tohoi awal bulan ini, akan diketahui Jumaat.

Ketua Polis Kelantan Datuk Mazlan Lazim berkata ia akan menjurus kepada penentuan identiti seorang lagi kanak-kanak yang masih hilang dan yang sedang dicari oleh pasukan mencari dan menyelamat (SAR).

"Kita akan mengetahui siapa yang tidak dijumpai lagi, sama ada Linda Rosli, 8, ataupun Haikal Yaakob, 8," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Bulan Pencegahan Jenayah Konvoi Bermotosikal Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Kelantan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini Khamis.

Pada 16 Okt lepas, **Jabatan Kimia** mengesahkan identiti mayat kanak-kanak yang ditemui pada 9 Okt adalah Ika Ayel, 9, dan satu rangka yang ditemui pada 11 Okt ialah Juvina David, 7.

Sebelum itu, pada 7 Okt, pasukan SAR menemui satu mayat kanak-kanak yang kemudiannya dikenal pasti sebagai Sasa Sobrie, 8, oleh anggota keluarganya, manakala pada 8 Okt pula, pasukan sama menemui satu tengkorak dan beberapa tulang rusuk kanak-kanak yang tidak diketahui identiti.

Dua lagi kanak-kanak tersebut - Norieen Yaakob, 10, dan Miksudiar Aluj, 11 - ditemui hidup pada 9 Okt selepas hilang selama 48 hari di dalam hutan apabila bertindak melarikan diri dari asrama pada 23 Ogos kerana takut dikenakan hukuman kerana mandi di sungai tanpa kebenaran.

Mazlan sebelum ini berkata ujian DNA terhadap mayat dan rangka yang ditemui tetap dijalankan bagi mendapatkan kepastian identiti mangsa di sebalik pengecaman oleh anggota keluarga terlibat.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
HARIAN METRO (BAJET 2016) : MUKA SURAT 72
TARIKH: 23 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**



MUSTAPA (dua dari kanan) bersama Pengerusi MATRADE Datuk Noraini Ahmad (dua dari kiri) menyaksikan majlis MoU antara MATRADE yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Dzulkifli Mahmuddan (kiri) dan SIRIM QAS International Sdn Bhd yang diwakili Pengarah Urusannya Khalidah Mustafa.

PACU PELABURAN

■ MITI harap Bajet 2016 rangsang pertumbuhan ekonomi



Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berharap Bajet 2016 akan merangsang pertumbuhan ekonomi, sekali gus dapat berdepan dengan cabaran ekonomi global.

Menterinya, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, pertumbuhan ekonomi juga perlu dirancakkan terutama dengan ketidaktentuan pasaran global disebabkan kejatuhan harga minyak dan penyusutan nilai ringgit.

Katanya, MITI juga ber-

“ Hasrat ini adalah seiring dengan persaingan yang sedang dihadapi negara dan jika dilihat bukan Malaysia sahaja yang terkesan dengan ketidaktentuan ekonomi global”

Mustapa Mohamed

harap lebih banyak tumpuan diberi kepada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam bajet berkenaan dengan rancangan dan strategi baharu untuk meningkatkan eksport mereka.

“Hasrat ini adalah seiring dengan persaingan yang sedang dihadapi negara dan jika dilihat bukan Malaysia

sahaja yang terkesan dengan ketidaktentuan ekonomi global, malah banyak lagi negara lain turut terjejas.

“Paling penting sekarang, adalah kerajaan perlu mengalakkan pelaburan dalam dan luar negara selain memfokus kepada pertumbuhan PKS kerana mereka adalah tulang belakang ekonomi negara,” katanya pada sidang media di majlis mendatandatangi Memorandum Persefahaman (MoU) di sini, semalam.

MoU terabit adalah antara Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) bekerjasama dengan SIRIM QAS International Sdn Bhd bagi memperkenalkan Program Bantuan Persijilan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritis (HACCP).

Mustapa berkata, program itu melantik 30 syarikat

memperoleh pengesahan HACCP dalam tempoh enam bulan dan setiap daripadanya akan diberi dana sehingga RM20,000.

Menurutnya, setakat ini terdapat sebanyak 431 syarikat pembuat makanan Malaysia memperoleh persijilan HACCP.

MATRADE akan menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat dalam permohonan HACCP dengan SIRIM QAS International sebagai badan piawaian dan SME Bank menawarkan kemudahan kewangan.

“Kerjasama ini akan meningkatkan keupayaan pembuat makanan Malaysia, terutama PKS dalam pasaran global, malah HACCP tidak hanya memastikan jaminan makanan, tetapi juga dapat meningkatkan kelebihpasaran barang secara meluas,” katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 23 OKTOBER 2015 (JUMAAT)



MITI Harap Bajet 2016 Rangsang Pertumbuhan Ekonomi Dan Angka Dagangan

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri berharap Bajet 2016 akan merangsang pertumbuhan ekonomi dan angka perdagangan.

Harapan itu adalah di tengah-tengah ketidaktentuan pasaran global disebabkan kejatuhan harga minyak dan penurunan nilai ringgit, kata Menteri berkenaan, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Bajet 2016 akan dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Parlimen Jumaat.

Mustapa turut amat berharap lebih banyak tumpuan diberi kepada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam bajet berkenaan dengan rancangan dan strategi baharu untuk meningkatkan eksport mereka.

Katanya, hasrat itu adalah seiring dengan persaingan yang sedang dihadapi negara.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa taklimat dan majlis tandatangan Memorandum Persefahaman di sini Khamis.

Dalam usaha untuk menggalakkan lebih banyak pembuat makanan Malaysia memperoleh persijilan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) bekerjasama dengan **SIRIM QAS International Sdn Bhd** dan SME Bank bagi memperkenalkan Program Bantuan Persijilan HACCP.

Matrade akan menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat dalam permohonan HACCP, dengan SIRIM QAS International sebagai badan piawaian, dan SME Bank menawarkan kemudahan kewangan kepada syarikat untuk meningkatkan atau menambah baik kilang mereka.

Program itu menyasarkan sekurang-kurangnya 30 syarikat memperoleh pengesahan HACCP dalam tempoh enam bulan dan setiap daripadanya akan diberi dana sehingga RM20,000.

Menurut Mustapa, kerjasama itu akan meningkatkan keupayaan pembuat maklanan Malaysia, terutama PKS, dalam pasaran global.

"Usaha itu juga membantu daya saing dan mewujudkan akses pasaran yang lebih luas. HACCP tidak hanya memastikan jaminan makanan, malah meningkatkan kebolehpasaran barang dan penerimaan di peringkat global," katanya.

Bagi lapan bulan pertama 2015, eksport mencatatkan nilai RM498.8 bilion, dengan makanan diproses bernilai RM11.25 bilion atau 2.3 peratus daripada keseluruhan.

Sejak lima tahun lepas (2010-2014), eksport makanan diproses meningkat daripada RM11.85 bilion kepada RM16.56 bilion.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 23 OKTOBER 2015 (JUMAAT)

PENGALAMAN MANGSA RUNTUHAN KREN

'Pengsan ditindih jemaah lain'

» Mohd Nor Azman dapat rawatan susulan di PPUM, Hospital Serdang

Oleh Wan Nur Faliquha Wan Hazani
bhnews@bh.com.my

Cheras

"Saya sangka bunyi guruh dan tidak menganggap apa-apa perkara buruk berlaku," kata Mohd Nor Azman Hassan, jemaah haji yang cedera dalam runtuhan kren di Masjidilharam, Makkah pada 11 September lalu.

Mohd Nor Azman, 44, berkata beliau sedang berdiri di hadapan Kaabah sementara menunggu azan Maghrib dan tidak terkejut dengan bunyi dentuman yang disangka guruh itu.

Namun, apabila menyedari berlaku runtuhan kren, keadaan menjadi kelam-kabut dan jemaah



Abdul Azeez melihat kecederaan Mohd Nor Azman, yang terperangkap dalam insiden kren tumbang ketika mengerjakan ibadah haji di kediarmanya mangsa di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras, semalam.

(Foto: KHAIRULL AZRY BIDIN/BH)

haji berlari menyelamatkan diri.

"Apa yang saya tahu saya pengsan lebih 30 minit selepas ditindih oleh beberapa jemaah haji yang cuba menyelamatkan diri," katanya ketika ditemui selepas menerima sumbangan Lembaga Tabung Haji (TH) di kediarmannya di Bandar Tun Hussein Onn yang disampaikan oleh Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul

Rahim, semalam.

Apabila sedar dia sudah pun dibawa keluar ke kawasan kecemasan di dataran Saei sebelum dipindahkan ke ambulans untuk mendapat rawatan.


Semakin pulih

Mohd Nor Azman yang patah tulang bahu dan retak tiga tulang rusuk, berkata beliau kini sudah

pulih walaupun masih perlu dibantu oleh isterinya, Dzramrah Hashim, 44.

"Saya sedang menerima rawatan susulan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan rawatan fisioterapi di Hospital Serdang," katanya yang pulang ke Malaysia pada 29 September lalu.

Sementara itu, Abdul Azeez



berkata, pihaknya akan menyediakan laporan jemaah haji Malaysia yang cedera dan terkorban dalam kejadian itu sebelum mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Arab Saudi.

"Apabila laporan termasuk rekod kesihatan 11 jemaah haji yang cedera siap, kita akan bawa kepada Duta Arab Saudi di Malaysia untuk mendapatkan persetujuan sebelum dibawa ke kerajaannya," katanya.

Beliau berkata sebelum ini Kerajaan Arab Saudi mengumumkan akan memberi pampasan SR1 juta (RM1.3 juta) kepada waris jemaah haji yang meninggal dunia dan SR500,000 (RM650,000) untuk yang cedera.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (COMMENT): MUKA SURAT 16
TARIKH : 23 OKTOBER 2015 (JUMAAT)

Entrepreneurial role of varsities

FUTURE: Besides education and research, they can be economic players, too

IRECENTLY attended a panel discussion on universities of the future organised by the Higher Education Ministry as a maiden initiative of their knowledge-sharing programme. The panellists included well-known personalities in the country: a former deputy governor of Bank Negara, a former vice-chancellor of Universiti Utara Malaysia (UUM) and a former chief executive officer of Proton Holdings Berhad.

Moderated by Professor Datuk Dr Asma Ismail, the director-general of Higher Education Ministry, the panellists touched on interesting predictions on what future universities would look like.

One member of the panel posed

the questions: As we move into the future, who are our students? Who should we educate? How do we address the rising interconnection among disciplines? And how to reach the global market? Many are already bought on the concept of life-long learning. How will it shape the future structure of universities?

We have witnessed the change in the way higher education is delivered. Many are familiar with Massive Open Online Courses (MOOCs). A few top universities in the United States are offering such courses online. And they are free.

Whatever it is, the panellists agreed that competition in the future would be decided by who has the brain. Knowledge is the key currency of creativity and innovation.

UCSI University recently hosted a two-day inaugural seminar on entrepreneurship.

The seminar "Student Entrepreneurial Experience" attracted students and budding entrepreneurs. The keynote address by the founder, Datuk Peter Ng, left a deep impression on the audience. He spoke as a true entrepreneur, building the university to be what it is today from a starting investment of RM2,000!

There were speakers who spoke on how they failed, only to rise again. On risks: "It is not just about being

risk averse, but more about being risk aware".

As a university which is among the top in the private category, UCSI has long recognised the importance of entrepreneurship training in higher education. Such sentiments were echoed by the panellists. And with the founder himself championing the issue, the university looks destined for greater leadership in entrepreneurship training.

Universities now live in exciting times. This was echoed in the remarks made by the vice-chancellor of UCSI University. Senior Professor Datuk Dr Khalid Yusoff had been relentless in promoting the need for a paradigm shift in higher education.

There is no denying that the role of universities in the modern era is changing fast. The end game in the past was to achieve employability.

But going into the future, universities should now be part of the regular economic conversation. And that is beyond the ranking that have preoccupied much of the university conversations lately.

That is important because taking cues from successful entrepreneurs but not quite successful students, such as Steve Jobs and Bill Gates, there had been calls to "avoid universities altogether". But Jobs and Gates are an exception, even among their entrepreneurial peers.

What is more telling is the 2015 Sage survey of new American companies which reports that 99 per cent of founders hold at least a bachelor's degree.

It is encouraging that the new blueprint for Higher Education embraces much of these thoughts. The blueprint pushes the universities to work for not just graduate employability, but graduate ability to create employment. It beckons the universities to align closer with the industries.

UCSI University must count among the early ones on such a path. This is through its Coop Programme, where students are placed in an industry every year for two months.

No wonder UCSI University has an excellent reputation for graduate employability. At the same time, many graduates have become big names as entrepreneurs, especially in music and advertising.

There is now consensus on the view that "future universities will not just be places of education and research, but as economic players. The campus offers a place for experimentation and risk taking. In time, these hubs of entrepreneurial enthusiasm will generate new business and industries for the economy".

The writer is a fellow at Academy of Sciences Malaysia



DR AHMAD IBRAHIM